



PANDUAN RINGKAS

43 Soalan **Tabung Haji**

Jawapan pendek dan mudah kepada persoalan yang paling kerap ditanya mengenai Laporan RCI Tabung Haji.

Penerangan UMNO Malaysia

Status maklumat: 19 Ogos 2026

Baca Ini Dahulu

Enam fakta asas - kurang satu minit.

1. Tiada perkataan "sakau"

Perkataan "sakau", "rompak" dan "mencuri" tidak wujud di mana-mana dalam laporan RCI.

2. Tiada penemuan jenayah

RCI tidak membuat sebarang dapatan kesalahan jenayah terhadap mana-mana individu.

3. RM12 bilion bukan angka RCI

Ia kenyataan politik pada 15 Ogos 2026. Angka dalam laporan ialah premium RM10.2 bilion.

4. Tiada seorang pun disabitkan

Setakat 19 Ogos 2026, tiada sabitan bagi mana-mana perkara Tabung Haji 2014-2020.

5. Wang pendeposit kekal

Tiada pendeposit dilaporkan kehilangan wang pokok simpanan mereka.

6. Pelantikan itu sah di sisi undang-undang

Akta 535 menyenaraikan hanya tiga ketidaklayakan - jawatan parti bukan salah satu daripadanya.

BAHAGIAN A — DAKWAAN "SAKAU" & JENAYAH

SOALAN 1

**Adakah laporan RCI berkata wang Tabung Haji
"disakau" atau dicuri?**

Tidak. Perkataan "sakau", "rompak" dan "mencuri" tidak wujud di mana-mana dalam teks laporan RCI — ini disahkan melalui semakan teks penuh.

Laporan itu **tidak membuat sebarang penemuan kesalahan jenayah** terhadap sesiapa.

Apa yang RCI temui ialah salah tadbir, kelemahan tadbir urus dan ketidakpatuhan statutori. Ketiga-tiga perkara itu serius, tetapi ketiganya **bukan jenayah** di sisi undang-undang.

SOALAN 2

Kalau begitu, dari mana datang angka "RM12 bilion hilang"?

Daripada ucapan politik, bukan daripada laporan RCI.

Ia diucapkan oleh Perdana Menteri Anwar Ibrahim di Kongres Nasional Keadilan (PKR), MITC Melaka, pada 15 Ogos 2026.

RM12 bilion bukan angka yang wujud dalam laporan RCI.

Angka sebenar dalam laporan ialah premium pemindahan aset RM10.2 bilion dan kerugian terkumpul RM4.7 bilion sehingga 2017. Perkataan "hilang" juga mengelirukan, ini kerugian nilai pelaburan atas buku, bukan wang yang lesap daripada akaun.

SOALAN 3

Adakah RCI menamakan mana-mana pemimpin UMNO sebagai pencuri wang Tabung Haji?

Tidak, seorang pun tidak.

RCI tidak membuat sebarang dapatan salah laku jenayah terhadap mana-mana individu.

Tiga tokoh UMNO memang disebut dalam laporan, tetapi dalam konteks **isu dasar pelantikan ahli politik ke Lembaga**, bukan sebagai pencuri, dan bukan dikaitkan dengan mana-mana keputusan pelaburan tertentu.

SOALAN 4

Adakah RCI sebuah mahkamah?

Bukan. RCI ialah badan siasatan fakta di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

Ia mengumpul keterangan, membuat penemuan dan mengesyorkan penambahbaikan.

Ia **tidak boleh mendakwa, tidak boleh menghukum, dan tidak boleh mensabitkan sesiapa**. Hanya mahkamah boleh menentukan seseorang bersalah.

SOALAN 5

Setakat ini, adakah sesiapa disabitkan dengan kesalahan berkaitan Tabung Haji?

Setakat 19 Ogos 2026, **tiada seorang pun.**

Tiada sabitan bagi mana-mana perkara Tabung Haji bagi tempoh 2014–2020.

Siasatan memang sedang berjalan dan beberapa individu ditahan pada Ogos 2026, tetapi ditahan atau disiasat **bukan bermakna bersalah.**

Di sisi undang-undang, seseorang tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah di mahkamah.

SOALAN 6

Apa bezanya salah tadbir dengan mencuri?

Ia lima perkara yang berbeza sama sekali, dan tidak boleh dicampuradukkan:

1. **Salah tadbir** — kelemahan pengurusan dan pengawasan.
2. **Pelaburan buruk** — keputusan komersial yang akhirnya rugi.
3. **Pelanggaran prosedur atau statut** — melanggar peraturan; boleh berlaku **tanpa niat jenayah**.
4. **Rasuah** — memberi atau menerima suapan; ini jenayah.
5. **Mencuri atau pecah amanah** — mengambil harta untuk diri sendiri; ini jenayah.

RCI membuat penemuan dalam **tiga kategori pertama sahaja**.

Ia tidak membuat penemuan dalam kategori keempat atau kelima terhadap sesiapa.

SOALAN 7

Adakah pendeposit kehilangan wang simpanan mereka?

Tidak.

Tiada pendeposit dilaporkan kehilangan wang pokok simpanan mereka.

Wang setiap pendeposit kekal dalam akaun masing-masing.

Apa yang berlaku ialah kadar hibah menurun ke 1.25% pada 2018, sebelum naik semula ke sekitar 3.50% bagi 2019–2021.

Jumlah deposit mengecut daripada RM73 bilion kepada RM69 bilion pada 2019, kemudian pulih.

BAHAGIAN B — SIAPA BERTANGGUNGJAWAB

SOALAN 8

Siapa sebenarnya yang meluluskan pelaburan Tabung Haji?

Di sisi undang-undang, kelulusan akhir terletak pada **Menteri**.

Tetapi keputusan itu dibuat berdasarkan **laluhan yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan**, bukan bermula daripada Menteri sendiri.

Laluhan sebenarnya adalah seperti berikut:

Pihak Pengurusan menyediakan dan membingkai kertas cadangan → Panel Pelaburan meneliti → Lembaga Pengarah bersetuju → Menteri meluluskan.

Ertinya, setiap keputusan bermula dan berakhir dengan maklumat yang **disediakan oleh pengurusan**.

Menteri memegang 12 kuasa di bawah Akta 535, termasuk kuasa meluluskan setiap aktiviti pelaburan, tetapi RCI mendapati Menteri "**bergantung kepada memo**" yang disediakan pengurusan, dan semua dokumen kelulusan menunjukkan catatan "dipersetujui seperti dicadangkan".

Kesimpulannya mudah: pihak yang **menyediakan** maklumat mengawal keputusan yang **dibuat** berdasarkan maklumat itu.

SOALAN 9

Siapa yang menilai Pelaburan Tabung Haji sebelum ia sampai kepada Menteri?

Setiap cadangan pelaburan melalui **beberapa lapisan profesional** sebelum dikemukakan untuk kelulusan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO): bertanggung jawab terhadap keseluruhan pengurusan dan operasi harian TH.

Ketua Pegawai Kewangan (CFO): bertanggung jawab terhadap kewangan dan laporan kewangan TH.

Pengurusan Pelaburan: Menyediakan dan menilai cadangan pelaburan

Pengurusan Risiko: menilai risiko yang pelaburan yang terlibat

Panel Pelaburan: meneliti dan memperaku cadangan sebelum dibawa kepada Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah: mempertimbang dan bersetuju sebelum dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusan.

Menteri membuat keputusan **berpandukan analisis, penilaian dan perakuan profesional** yang telah melalui beberapa lapisan sebelum sampai kepadanya.

SOALAN 10

Adakah Pengerusi mempunyai kuasa mutlak ke atas pelaburan?

Tidak.

Akta 535 meletakkan kuasa meluluskan pelaburan dan hibah pada Menteri, dan pengurusan harian pada KPE.

Pengerusi **tidak boleh bertindak secara unilateral**.

RCI juga tidak menamakan Pengerusi dalam mana-mana keputusan pelaburan tertentu dan tidak membuat sebarang dapatan salah laku individu terhadapnya.

Sebarang naratif yang meletakkan seluruh krisis TH atas bahu seorang Pengerusi bercanggah dengan struktur Akta itu sendiri.

SOALAN 11**Adakah salah di sisi undang-undang melantik ahli politik ke Lembaga Tabung Haji?**

Tidak salah — ia sah sepenuhnya.

Seksyen 6(3) Akta 535 menyenaraikan **hanya tiga ketidaklayakan**:

- i. bankrap
- ii. disabitkan dengan hukuman penjara tidak kurang setahun, dan
- iii. tidak sempurna akal.

Jawatan parti bukan salah satu daripadanya.

Pada masa ini, masih terdapat pelbagai badan berkanun syarikat milik kerajaan yang mempunyai ahli politik sebagai anggota lembaga pengarah.

SOALAN 12

Siapa yang patut dipertanggungjawabkan jika kertas pelaburan mengandungi maklumat yang salah?

RCI menjawab soalan ini dengan jelas. Suruhanjaya mendapati wujud **"transaksi yang mencurigakan dan penyembunyian maklumat"**, dan frasa "perakaunan kreatif" disandarkan dua-dua kali kepada **"pengurusan LTH"** — bukan kepada Lembaga Pengarah, bukan kepada Pengerusi, dan bukan kepada Menteri.

Pihak yang menyediakan maklumat yang tidak lengkap tidak boleh menyalahkan pihak yang membuat keputusan berdasarkan maklumat itu.

BAHAGIAN C — HIBAH & PERAKAUNAN

SOALAN 13

Mengapa hibah dibayar pada 2014–2017 sedangkan kedudukan kewangan dikatakan bermasalah?

Kerana pada masa keputusan dibuat, angka yang berada **di hadapan pembuat keputusan** menunjukkan aset melebihi liabiliti.

Hibah diisytiharkan pada suku pertama setiap tahun, **sebelum** akaun beraudit siap.

Bagi 2014 dan 2015, jadual PwC sendiri menunjukkan lebihan sebelum agihan.

SOALAN 14

Adakah Lembaga sepatutnya tahu kedudukan sebenar?

Lembaga bergantung kepada penyata kewangan yang telah **diaudit dan diperakui bersih oleh Jabatan Audit Negara** setiap tahun dari 2014 hingga 2017.

Itu dokumen rasmi tertinggi yang ada pada mereka.

SOALAN 15

Apa maksud "perakaunan kreatif" dalam laporan RCI?

Adakah ia penipuan?

Frasa itu muncul **dua kali** sahaja dalam laporan, dan kedua-duanya merujuk kepada **pengurusan LTH**.

Maksudnya ialah penggunaan anggaran nilai aset boleh direalisasi (RAV) untuk menunjukkan pematuhan Seksyen 22, dan perubahan ambang rosot nilai.

Laporan tidak melabelnya sebagai penipuan, frod atau jenayah.

RCI mencirikannya sebagai ketidakpatuhan piawaian perakaunan, perkara yang berbeza sama sekali daripada penipuan.

SOALAN 16

Adakah sesiapa yang mengaut wang hibah itu untuk diri sendiri?

Tiada.

Wang hibah itu **mengalir kepada pendeposit** iaitu kepada 9 juta rakyat yang menyimpan untuk menunaikan haji.

Tiada satu pun dapatan RCI bahawa mana-mana individu memasukkan wang itu ke dalam poket sendiri.

Inilah perbezaan asas antara membayar hibah terlalu tinggi (keputusan pengurusan) dengan mencuri (jenayah).

SOALAN 17

Apakah peranan Jabatan Audit Negara dalam hal ini?

JAN mengaudit penyata kewangan TH dan mengeluarkan **Sijil Audit Bersih** setiap tahun dari **2014 hingga 2017**.

Bagi tahun 2017, Pendapat Berteguran pada mulanya dicadangkan, tetapi selepas perbincangan dengan Perdana Menteri pada **4 Julai 2018**, Ketua Audit Negara mengeluarkan pendapat bersih pada 16 Julai 2018.

RCI menyifatkan JAN sebagai "tidak tegas" dan mungkin berada di bawah tekanan.

Perlu ditegaskan:

Peristiwa 4 Julai 2018 itu berlaku di bawah pentadbiran selepas PRU-14, bukan sebelumnya (Kerajaan Pakatan Harapan 1.0 mengambil alih kerajaan pada **9 Mei 2018**, iaitu hampir dua bulan sebelum perbincangan tersebut.)

BAHAGIAN D — BANK NEGARA MALAYSIA

SOALAN 18

Adakah Tabung Haji sebuah bank?

Bukan.

TH ialah **Institusi Kewangan Bukan Bank**, badan berkanun di bawah Akta 535, bukan bank berlesen.

Ia tidak tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Penyelianya ialah Menteri Hal Ehwal Agama, bukan Bank Negara.

SOALAN 19

Kalau BNM tiada kuasa ke atas TH, kenapa BNM menghantar surat amaran?

BNM memantau TH atas mandat kestabilan kewangan negara, kerana TH memegang deposit isi rumah yang besar dan merupakan pemegang saham utama Bank Islam serta Syarikat Takaful.

Tetapi RCI menyatakannya dengan jelas dalam perenggan 3.6.1: kerana TH bukan institusi di bawah IFSA, "**maka ia bukan institusi di bawah kawalan BNM.**"

Surat-surat Bank Negara Malaysia itu adalah **nasihat, bukan arahan yang mengikat.**

SOALAN 20

Adakah TH melanggar undang-undang kerana tidak bertindak atas surat BNM?

Tidak.

Mengabaikan nasihat yang tidak mengikat ialah **kritikan tadbir urus, bukan pelanggaran undang-undang**, dan ia tidak menimbulkan sebarang liabiliti undang-undang.

Sebaliknya, RCI mendapati keputusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 yang meletakkan TH di bawah BNM adalah "**tidak selari dengan Akta 535**": iaitu tindakan pembetulan selepas 2018 itulah yang membawa dapatan percanggahan undang-undang, bukan keputusan sebelumnya.

BAHAGIAN E — UJSB, SUKUK & ERA SELEPAS 2018

SOALAN 21

Mengapa laporan RCI hanya diterbitkan pada 29 Julai 2026, hampir empat tahun selepas siap?

Laporan bertarikh 19 Julai 2022 dan diperingkatkan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Ia kekal dirahsiakan selama lebih 47 bulan merentasi **beberapa kerajaan** sebelum dinyahklasifikasi.

Ini soalan ketelusan yang sah, dan ia soalan yang perlu dijawab oleh setiap pentadbiran yang memegangnya.

SOALAN 22

Mengapa RCI berhenti pada tahun 2020 dan tidak menyiasat UJSB?

Kerana Terma Rujukannya menetapkan begitu

Terma Rujukan itu **secara eksplisit mengecualikan** "pelan penstrukturan dan pemulihan yang sedang dijalankan".

Akibatnya, penubuhan UJSB, harga pemindahan aset, terma sukuk dan keputusan pelupusan aset **tidak pernah dinilai oleh mana-mana suruhanjaya bebas**.

Jurang ini nyata, dan ia belum ditutup sehingga kini.

SOALAN 23

Adakah aset Tabung Haji dijual murah oleh UJSB?

Sebahagiannya ya, dan datanya kukuh.

Kelompok jualan terbesar UJSB berlaku pada **Februari hingga Mei 2020, tepat pada palung pasaran COVID.**

Tujuh daripada sembilan tawaran yang direkodkan RCI dibuat antara Mac dan Mei 2020.

Kaunter seperti KSL, MMC, Boustead Plantations, E&O dan Dayang semuanya melonjak selepas dilepaskan.

Sebahagian kaunter lain memang terus jatuh.

Tetapi persoalan pemilihan masa pelupusan pada 2020 itu **sah, berdata, dan belum pernah dijawab.**

SOALAN 24

Berapakah tunai sebenar yang Tabung Haji terima daripada urus niaga RM19.9 bilion itu?

Hampir tiada.

Dalam tempoh tujuh tahun 2019–2026, tunai sebenar yang diterima TH ialah lebih kurang **RM700 juta sahaja** daripada nilai pemindahan RM19.9 bilion, kurang 0.5% setahun.

Bakinya ialah sukuk kupon sifar yang keuntungannya hanya **diakru atas kertas**, RM840 juta setahun tanpa aliran tunai.

Ertinya, hibah selepas 2019 turut dibayar daripada pendapatan yang tidak bersandarkan tunai; corak yang **serupa secara struktur** dengan perkara yang dikritik pada era 2014–2017.

SOALAN 25

Apa yang berlaku apabila sukuk matang pada Mei 2026?

Ia **tidak** dijelaskan dengan tunai.

UJSB menyelesaikannya dengan menerbitkan sukuk baharu RM11.5 bilion bertempoh 10 tahun pada kadar 3.825%, matang sekitar **2036**, ditambah pemindahan dua bidang tanah bernilai RM965 juta.

Dengan kata lain, obligasi itu **ditolak ke hadapan selama sepuluh tahun lagi**, bukan dilangsaikan.

SOALAN 26

Patutkah ada RCI atau audit forensik bagi era 2019–2026?

Prinsipnya mudah: **jika akauntabiliti dituntut bagi 2014–2020, standard yang sama mesti dikenakan bagi 2021–2026.**

Tuntutan ini bersifat **dwipartisan**.

Kabinet pada 31 Julai 2026 bersetuju melanjutkan kajian dapatan, dan pada 18 Ogos 2026 Perdana Menteri menyatakan tiada halangan untuk siasatan melangkaui tempoh 2014–2020. Yang tinggal hanyalah persoalan mekanisme dan skop.

BAHAGIAN F — LANGKAH SETERUSNYA: PENDIRIAN & TUNTUTAN

SOALAN 27

Apakah pendirian UMNO terhadap tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang bersalah?

Tegas dan tanpa syarat: **jika ada kesalahan, tangkap dan dakwa.**

Jangan berhenti pada istilah "sakau", "penyelewengan" atau sidang media.

Jika SPRM, PDRM dan Peguam Negara mempunyai bukti yang boleh diterima di mahkamah, dakwa individu yang bertanggungjawab — **tanpa mengira jawatan, parti atau era.**

Pada masa yang sama, hentikan penghukuman politik sebelum proses undang-undang selesai.

UMNO **tidak** meminta sesiapa berhenti menyiasat — sebaliknya, siasat dengan lebih tegas.

Tetapi bezakan dengan jelas empat perkara yang berlainan sama sekali: **dakwaan • siasatan • pertuduhan • sabitan.**

Siasatan SPRM dan PDRM sedang aktif berjalan sekarang, jadi perbezaan ini menjadi lebih penting, bukan kurang.

Keputusan pendakwaan mesti berasaskan undang-undang dan keterangan yang boleh diterima mahkamah — bukan tekanan politik atau kalendar pilihan raya.

SOALAN 28

Apakah tuntutan UMNO terhadap syor audit forensik yang dibuat RCI?

Laksanakan sepenuhnya dan umumkan hasilnya kepada rakyat.

RCI sendiri mengesyorkan pemeriksaan forensik ke atas satu siri pelaburan bermasalah.

Setakat ini, audit forensik itu **belum dijalankan**.

UMNO tidak sepatutnya menolak syor itu — UMNO **menuntut ia disiapkan**.

Sebabnya jelas: audit forensik ialah satu-satunya kaedah yang boleh menentukan secara muktamad sama ada sesuatu kerugian berpunca daripada keputusan komersial yang buruk, kelemahan prosedur, atau perbuatan jenayah.

SOALAN 29

Adakah penelitian sepatutnya berhenti pada tahun 2020?

Tidak.

Penelitian mesti diluaskan kepada **keseluruhan proses pemulihan dan penstrukturan selepas 2018** — penubuhan UJSB, pemindahan aset, terma sukuk, dan pelupusan aset susulan.

Sebabnya bukan politik, tetapi struktur: Terma Rujukan RCI **secara eksplisit mengecualikan** pelan penstrukturan dan pemulihan.

Akibatnya, tempoh selepas 2018 tidak pernah dinilai oleh mana-mana suruhanjaya bebas.

Tuntutannya ialah **satu garis masa akauntabiliti yang berterusan** — bukan "era UMNO lawan era PH".

Wang itu milik 9 juta pendeposit sepanjang tempoh berkenaan, dan akauntabiliti tidak sepatutnya bermula dan berhenti mengikut siapa yang memerintah.

SOALAN 30**Apakah yang perlu didedahkan mengenai UJSB?**

Bentangkan akaun penuh UJSB kepada rakyat — bukan angka terpilih, tetapi rekonsiliasi yang lengkap dan boleh disemak:

Aset apa dipindahkan → nilai ketika dipindahkan → aset mana telah dijual → pada harga berapa → hasil tunai sebenar → aset yang masih dipegang → liabiliti sukuk → kedudukan semasa.

Ini penting kerana angka-angka besar sedang dilemparkan dalam perdebatan awam tanpa asas yang boleh disemak.

Rakyat berhak tahu ke mana perginya nilai RM19.9 bilion itu, mengapa tunai yang diterima TH hanya sekitar RM700 juta dalam tujuh tahun, dan mengapa sukuk yang matang pada Mei 2026 diselesaikan dengan kertas baharu sehingga 2036 dan bukan dengan tunai.

Keputusan sukuk 2026 itu sendiri wajar dijelaskan sepenuhnya kepada Parlimen.

SOALAN 31

Selain siasatan, apakah yang perlu dilakukan supaya perkara ini tidak berulang?

Dua perkara.

Pertama — laksanakan pembaharuan tadbir urus yang disyorkan RCI, bukan sekadar menggunakan laporan itu untuk berpolitik atau mengeluarkannya ketika musim pilihan raya. Syor itu wujud untuk dilaksanakan — bukan untuk disimpan dan dikeluarkan bila perlu.

Kedua — kenakan standard yang sama kepada semua institusi pelaburan kerajaan. Jika Tabung Haji wajar diperiksa, maka KWAP, Khazanah dan institusi pelaburan kerajaan yang lain juga wajar diperiksa dengan piawaian yang sama.

Sebarang dakwaan terhadap mana-mana institusi tersebut hendaklah disiasat mengikut proses yang sama iaitu disiasat, dibuktikan, dan dibawa ke mahkamah jika ada bukti.

Prinsipnya satu sahaja: **akauntabiliti tidak boleh bersifat memilih.**

SOALAN 32**Betulkah Tabung Haji tidak mengendahkan teguran Bank Negara Malaysia?**

Tidak tepat. Bank Negara Malaysia memang pernah mengutus surat serta membangkitkan pandangan berkaitan pengurusan risiko Tabung Haji. Perkara itu tidak dinafikan.

Namun, kewujudan teguran tidak secara automatik membuktikan bahawa teguran tersebut diabaikan.

Berdasarkan penjelasan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Tabung Haji turut berinteraksi dengan Bank Negara Malaysia dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan.

Rekod Financial Stability Executive Committee bertarikh 20 Januari 2016 yang dirujuk dalam pembentangan beliau turut merekodkan bahawa Tabung Haji telah mengambil langkah bersesuaian secara proaktif untuk memperkukuh amalan pengurusan risikonya sebagai respons kepada libat urus terdahulu dengan BNM.

Kesimpulannya, dakwaan bahawa BNM pernah menegur mempunyai asas. Tetapi dakwaan bahawa Tabung Haji langsung tidak mengendahkan teguran tersebut memerlukan bukti yang berbeza.

**TEGURAN MEMANG ADA.
TINDAKAN SUSULAN PUN ADA.**

SOALAN 33**Adakah Tan Sri Dr. Mohd Irwan menafikan BNM pernah menegur Tabung Haji?**

Tidak. Tan Sri Dr. Mohd Irwan mengakui bahawa terdapat surat daripada Bank Negara Malaysia serta perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pengurusan Tabung Haji.

Oleh itu, penjelasan yang tepat tidak boleh memilih salah satu daripada dua dakwaan melampau.

TIDAK TEPAT: "BNM tidak pernah menegur Tabung Haji."

TIDAK LENGKAP: "Semua teguran BNM langsung tidak dipedulikan."

Persoalan sebenar ialah apa yang berlaku selepas teguran diterima. Rekod yang dirujuk menunjukkan terdapat komunikasi, perbincangan dan tindakan susulan.

**BUKAN SOAL SAMA ADA TEGURAN WUJUD.
SOALNYA: APAKAH YANG BERLAKU SELEPAS ITU?**

SOALAN 34

Apakah tindakan yang dikatakan telah diambil oleh Tabung Haji?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan menjelaskan bahawa sebagai Ahli Lembaga Tabung Haji ketika itu, beliau mengetahui bahawa Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji telah diminta untuk berbincang dengan Gabenor Bank Negara Malaysia.

Perkara ini penting kerana ia menunjukkan isu yang dibangkitkan oleh BNM tidak sekadar diterima sebagai surat pentadbiran dan kemudian dibiarkan tanpa respons.

Menurut penjelasan tersebut, terdapat komunikasi dan perbincangan pada peringkat tertinggi antara pengurusan Tabung Haji dan Bank Negara Malaysia.

TEGURAN

LIBAT URUS

PERBINCANGAN

TINDAKAN SUSULAN

Ini tidak bermaksud semua isu semestinya telah diselesaikan sepenuhnya. Tetapi ia bercanggah dengan gambaran bahawa tiada respons langsung diberikan.

SOALAN 35**Apakah rekod paling penting dalam penjelasan ini?**

Antara rekod paling penting yang dirujuk oleh Tan Sri Dr. Mohd Irwan ialah kenyataan Financial Stability Executive Committee bertarikh:

20 JANUARI 2016

Petikan yang dirujuk menyatakan bahawa Tabung Haji telah:

"...proactively taken appropriate measures to further strengthen its risk management practices..."

dan langkah tersebut dikaitkan dengan:

"...earlier engagement with the bank."

Dalam bahasa mudah, rekod yang dirujuk itu menyatakan bahawa Tabung Haji telah mengambil langkah bersesuaian secara proaktif untuk terus memperkukuh amalan pengurusan risikonya sebagai respons kepada libat urus terdahulu dengan Bank Negara Malaysia.

PROACTIVELY TAKEN APPROPRIATE MEASURES

SOALAN 36**Mengapa rekod 20 Januari 2016 itu sangat penting?**

Kerana rekod itu membantu membezakan antara teguran dan pengabaian.

Surat daripada BNM menunjukkan bahawa terdapat perkara yang dibangkitkan dan perlu diberikan perhatian. Penjelasan mengenai arahan untuk berjumpa dengan Gabenor Bank Negara menunjukkan bahawa terdapat respons pada peringkat pengurusan.

Kemudian, rekod Financial Stability Executive Committee bertarikh 20 Januari 2016 yang dirujuk oleh Tan Sri Dr. Mohd Irwan menyebut langkah proaktif untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko.

1**Teguran berlaku.****2****Perbincangan
diarahkan.****3****Tindakan susulan
direkodkan.**

Oleh itu, dakwaan bahawa Tabung Haji langsung tidak mengendahkan BNM tidak menggambarkan keseluruhan rekod yang dirujuk.

SOALAN 37**Adakah menerima teguran bermakna Tabung Haji telah gagal sepenuhnya?**

Tidak. Institusi yang menguruskan dana besar boleh berhadapan dengan teguran, penilaian risiko dan tuntutan penambahbaikan.

Kewujudan teguran menunjukkan bahawa terdapat perkara yang perlu diberikan perhatian atau diperbaiki. Tetapi kewujudan teguran itu sendiri bukan bukti automatik bahawa seluruh institusi gagal atau bahawa pengurusannya langsung tidak melakukan apa-apa.

SEBUAH INSTITUSI BOLEH DITEGUR.

INSTITUSI YANG SAMA BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN.

Kedua-dua perkara itu tidak bercanggah. Kesimpulan mestilah berdasarkan tindakan yang benar-benar direkodkan, bukan semata-mata berdasarkan kewujudan surat teguran.

SOALAN 38**Adakah tindakan susulan bermakna semua teguran BNM telah diselesaikan?**

Tidak semestinya. Rekod yang dirujuk menunjukkan adanya respons serta langkah proaktif untuk memperkukuh pengurusan risiko.

Namun, rekod tersebut tidak memberikan asas untuk mengatakan bahawa:

- setiap kelemahan telah dihapuskan;
- semua perkara yang dibangkitkan BNM telah diselesaikan sepenuhnya; atau
- semua keputusan pengurusan Tabung Haji tidak lagi boleh dipersoalkan.

Penjelasan ini bukan cek kosong untuk membebaskan setiap keputusan Tabung Haji daripada penelitian. Kesimpulan mestilah terhad kepada apa yang disokong oleh rekod.

**TEGURAN BERLAKU.
RESPONS JUGA BERLAKU.**

Apa yang tidak boleh dikatakan tanpa bukti tambahan ialah bahawa semua masalah telah selesai.

SOALAN 39**Mengapa perkataan "diabaikan" perlu digunakan dengan berhati-hati?**

Kerana perkataan "diabaikan" membawa gambaran bahawa tiada perhatian, tiada respons dan tiada tindakan diambil.

Namun, berdasarkan penjelasan Tan Sri Dr. Mohd Irwan:

- Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji telah diminta berbincang dengan Gabenor Bank Negara;
- wujud libat urus antara Tabung Haji dan BNM; dan
- rekod 20 Januari 2016 yang dirujuk menyebut langkah proaktif untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko.

Jika komunikasi dan tindakan susulan memang direkodkan, penggunaan frasa "langsung diabaikan" menjadi terlalu mutlak.

Ini tidak bermakna semua teguran telah selesai. Keberkesanan tindakan juga masih boleh dinilai dan dipersoalkan. Tetapi itu merupakan persoalan yang berbeza daripada mendakwa bahawa tiada tindakan langsung dilakukan.

"BELUM SELESAI" ≠ "LANGSUNG DIABAIKAN"

SOALAN 40**Adakah Tabung Haji diselia BNM seperti sebuah bank komersial?**

Penjelasan mengenai surat dan libat urus dengan BNM tidak boleh digunakan untuk memberikan gambaran bahawa kedudukan Tabung Haji sama dengan sebuah bank komersial.

Dokumen ini telah menerangkan bahawa Tabung Haji ialah sebuah Institusi Kewangan Bukan Bank dan sebuah badan berkanun di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].

Apa yang dibuktikan dalam konteks ini ialah kewujudan:

SURAT**PANDANGAN****KOMUNIKASI****LIBAT URUS****RESPONS**

Hubungan tersebut tidak seharusnya secara mudah disamakan dengan struktur pengawalseliaan sebuah bank komersial.

JANGAN SAMAKAN KEDUA-DUANYA.

SOALAN 41**Apakah yang perlu dibuktikan jika masih mahu mendakwa teguran BNM diabaikan?**

Jika masih mahu mendakwa bahawa teguran BNM diabaikan, bukti perlu dikemukakan bahawa tindakan dan respons yang dirujuk itu sebenarnya:

- tidak pernah dilaksanakan;
- dihentikan;
- tidak berlaku seperti yang dinyatakan; atau
- gagal menjawab perkara yang dibangkitkan.

Pihak yang membuat dakwaan juga perlu menjelaskan bagaimana dakwaan "tiada tindakan" boleh diselaraskan dengan rekod Financial Stability Executive Committee bertarikh 20 Januari 2016 yang dirujuk oleh Tan Sri Dr. Mohd Irwan.

SURAT: membuktikan teguran berlaku.

BUKAN: dengan sendirinya membuktikan pengabaian berlaku.

Jika terdapat rekod lain yang bercanggah, rekod tersebut perlu dikemukakan dan dibandingkan secara terbuka. Analisis yang lengkap perlu melihat kedua-duanya: rekod teguran dan rekod respons selepas teguran.

SOALAN 42

Apakah rumusan paling tepat berdasarkan rekod?

Rumusan yang paling berhati-hati ialah bahawa Bank Negara Malaysia pernah mengutus surat serta membangkitkan pandangan berkaitan pengurusan risiko Tabung Haji. Perkara tersebut tidak dinafikan.

Pada masa yang sama, berdasarkan penjelasan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Tabung Haji turut:

- berinteraksi dengan BNM;
- mengarahkan perbincangan dengan Gabenor Bank Negara; dan
- mengambil langkah susulan yang direkodkan sebagai usaha proaktif untuk memperkukuh pengurusan risiko.

"Teguran dan komunikasi BNM memang berlaku. Tabung Haji memberikan respons serta mengambil tindakan susulan. Rekod BNM yang dirujuk menyebut langkah proaktif untuk memperkukuh pengurusan risiko."

BUKAN: "BNM tidak pernah menegur Tabung Haji."

BUKAN JUGA: "Semua teguran BNM telah diselesaikan."

SOALAN 43**Apakah keputusan akhirnya?**

Perbahasan ini tidak seharusnya dipaksa menjadi pilihan antara dua cerita yang sama-sama melampau.

Mengakui bahawa BNM pernah menegur Tabung Haji tidak bermaksud kita wajib menerima dakwaan bahawa semua teguran tersebut telah diabaikan. Pada masa yang sama, mengakui bahawa Tabung Haji mengambil tindakan susulan juga tidak bermaksud semua kelemahan telah diselesaikan.

Rekod bertarikh 20 Januari 2016 membawa satu fakta yang perlu dimasukkan dalam penilaian. Sebagaimana dirujuk dalam pembentangan Tan Sri Dr. Mohd Irwan, Financial Stability Executive Committee merekodkan bahawa Tabung Haji telah mengambil langkah bersesuaian secara proaktif sebagai respons kepada libat urus terdahulu.

Oleh itu, jika masih mahu mengatakan bahawa Tabung Haji langsung tidak mengendahkan Bank Negara Malaysia, rekod tersebut perlu dijawab dengan bukti. Bukan sekadar dengan mengulang dakwaan yang sama.

TEGURAN MEMANG WUJUD.**RESPONS JUGA DIREKODKAN.****SEPARUH CERITA
BUKAN KESELURUHAN REKOD.**

RUMUSAN BAHAGIAN G

Teguran wujud. Respons juga direkodkan.

BNM memang membangkitkan teguran dan pandangan kepada Tabung Haji.

Penjelasan Tan Sri Dr. Mohd Irwan serta rekod 20 Januari 2016 yang dirujuk menunjukkan bahawa komunikasi, libat urus dan tindakan susulan turut berlaku.

Rekod itu tidak membuktikan bahawa semua isu selesai.

Tetapi ia juga tidak menyokong gambaran bahawa tiada respons langsung diberikan.

SUMBER TAMBAHAN BAGI BAHAGIAN G

Transkrip Penuh Musyawarah Nasional 2.0, bahagian pembentangan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, termasuk rujukan kepada rekod Financial Stability Executive Committee bertarikh 20 Januari 2016 serta rumusan berkaitan isu teguran Bank Negara Malaysia.

Nota editorial: Rekod ini menyokong kesimpulan terhad bahawa libat urus berlaku dan langkah proaktif untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko telah direkodkan. Ia bukan pengesahan bahawa semua isu telah selesai.

KESIMPULAN AKHIR

Jika ada bukti salah guna kuasa, pecah amanah, rasuah atau apa-apa jenayah lain - oleh sesiapa pun, dari mana-mana era - ia hendaklah dilaporkan, disiasat dan dibawa ke mahkamah.

Kesalahan jenayah mesti ditentukan melalui proses undang-undang, bukan melalui ceramah politik, tuduhan serkap jarang atau permainan persepsi.

Dalam isu teguran BNM, keseluruhan rekod perlu dinilai: teguran yang diterima dan respons yang direkodkan selepasnya.

Sumber utama: Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Tabung Haji (WJD22-0447) bertarikh 19 Julai 2022 dan diterbitkan 29 Julai 2026; jawapan Parlimen; laporan media kewangan. Sumber tambahan Bahagian G: Transkrip Penuh Musyawarah Nasional 2.0, pembentangan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, termasuk rujukan kepada rekod Financial Stability Executive Committee bertarikh 20 Januari 2016. Diterbitkan oleh Penerangan UMNO Malaysia. Status maklumat asal: 19 Ogos 2026; Bahagian G ditambah daripada sumber selepas tarikh status asal.